Tingkatkan Produktiviti Perlu Untuk Status Negara Pendapatan Tinggi, Kata Mukhriz
Bernama
7 Mac, 2012

PETALING JAYA, 7 Mac (Bernama) -- Untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi di bawah Wawasan 2020, Malaysia perlu meingkatkan produktiviti, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Mahathir.

"Dasar upah yang minimum terus menjadi debat, dan yang paling penting, keupayaan kerajaan mendapatkan keseimbangan antara menaikkan pendapatan rakyat dan memastikan produktiviti yang tinggi," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan CreaNova Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) 2012 di sini Rabu.

Membandingkan produktiviti dalam sektor yang berbeza, Mukhriz berkata banyak yang boleh dilakukan untuk memperbaiki sektor pertanian.

Ketua Pengarah MPC, Datuk Razali Hussain berkata perbadanan itu kerap menganjurkan program seperti CreaNova 2012, untuk meningkatkan produktiviti.

---BERNAMA
Hakcipta © 2012 BERNAMA
Source:http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650493